


Sila baca dengan teliti



Tataetika Perniagaan



Pesanan daripada pihak kepimpinan

Sebagai peneraju global dalam industri kami, kami bertanggungjawab untuk menjadi contoh tanpa cacat cela. Ini adalah teras siapa kita sebenarnya sebagai sebuah syarikat dan sebagai individu.

Di GXO kita mengamalkan budaya bekerja sebagai satu pasukan dalam usaha mencapai hasil yang dikehendaki. Kita membantu satu sama lain untuk berjaya. Kita berbangga untuk membantu para pelanggan, syarikat penerbangan dan kakitangan kita. Kita adil, menghormati, mematuhi undang-undang dan jujur. Inilah sebabnya para pelanggan dan pelabur percaya kepada kita.

Tataetika Perniagaan dan Dasar Etika Perniagaan kita bertujuan untuk membantu anda untuk mengekalkan budaya kita dengan memberikan panduan mengenai pelbagai situasi.

Sila luangkan masa untuk membiasakan diri anda dengan dokumen penting ini. Jika anda mempunyai apa-apa soalan atau kebimbangan, anda bertanggungjawab untuk bersuara – dan anda tidak perlu takut tentang tindakan balas. Terdapat banyak saluran untuk mengemukakan soalan dan kebimbangan, termasuk melalui penyelia anda, Sumber Manusia dan pasukan Etika & Pematuhan GXO.

Anda adalah wajah GXO. Terima kasih kerana mencerminkan standard tinggi perniagaan kita menerusi perkataan dan tindakan anda.



Malcolm Wilson
Ketua Pegawai Eksekutif

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'M Wilson', written over a horizontal line.

Malcom Wilson
Ketua Pegawai Eksekutif



Jadual kandungan

Komitmen Kita: Menjalankan Perniagaan dengan Cara yang Betul	06
Hormat, Peluang Sama Rata dan Keselamatan di Tempat Kerja	08
Integriti Sepenuhnya dalam Urusan Perniagaan	09
Warga Yang Baik Untuk Komuniti Sedunia	12
Perlindungan Aset Syarikat	14
Perdagangan Orang Dalam	18
Konflik Kepentingan	19
Keraian dan Hiburan	22
Sumber-sumber Tambahan: Cara Bertanya Soalan dan Melaporkan Kebimbangan	24
Sumber-sumber Antarabangsa	26
Indeks Dasar Etika Perniagaan	29



Komitmen kita:

Jalankan perniagaan dengan cara yang betul

Misi kita adalah untuk menyampaikan hasil. Ini memerlukan kita untuk melaksanakan urusan perniagaan dengan standard yang tinggi sepanjang masa. Kita tidak akan menjejaskan nilai kita untuk memenuhi objektif komersil. Nilai kita adalah sangat penting untuk kejayaan kita.

Tata kita adalah rangka tindakan standard perniagaan syarikat. Semua pekerja, pegawai dan pengarah GXO perlu mematuhi Tata, begitu juga pihak lain yang bertindak bagi pihak GXO. Standard ini terpakai pada bila-bila masa anda mewakili GXO atau terlibat dalam aktiviti yang boleh memberi kesan ke atas perniagaan atau reputasi GXO.

Selain Tata ini, GXO mempunyai beberapa Dasar Etika Perniagaan yang mengawal kelakuan kita. Beberapa lokasi dan unit perniagaan GXO juga mempunyai dasar berasingan yang memperincikan keperluan ini. Selain Tata tersebut, anda mesti memahami dan mematuhi dasar-dasar lain.

Komitmen Pengurusan

Pengurusan GXO komited untuk memimpin melalui teladan dengan cara yang mencerminkan nilai-nilai syarikat kita.. Ini termasuklah bertindak balas dengan cara yang tepat pada masanya terhadap kebimbangan pekerja, menangani risiko pematuhan, dan menyediakan sumber pelaporan untuk memastikan kemungkinan pelanggaran dasar syarikat atau undang-undang telah dikenal pasti dan ditangani.

Pihak pengurusan—dan syarikat secara keseluruhannya—tidak akan bertolak ansur dengan pembalasan terhadap sesiapa yang secara niat baik telah melaporkan kebimbangan atau bekerjasama dalam siasatan etika atau pematuhan.



Sumber yang Tersedia kepada Anda

Tata GXO dan dasar-dasar yang berkaitan direka untuk membantu anda menyelesaikan masalah etika dan undang-undang. Jika anda masih tidak pasti mengenai sesuatu masalah selepas merujuk pada Tata dan dasar-dasar ini, tanya diri anda empat soalan ini: Adakah ia rasa seperti perkara yang betul untuk dilakukan? Adakah ia mematuhi undang-undang dan dasar syarikat? Adakah anda rasa selesa jika orang lain tahu mengenainya? Adakah saya mahu membaca mengenainya dalam talian atau menontonnya dalam berita?

Jika anda tidak dapat menjawab ya bagi semua soalan ini, berhenti dan dapatkan panduan daripada penyelia anda, Sumber Manusia atau Etika & Pematuhan. Sumber-sumber tambahan yang tersedia kepada anda disenaraikan pada halaman 26 -28.

Akibat Pelanggaran

Anda bersetuju untuk mematuhi Tata tersebut, semua dasar dan undang-undang, peraturan dan kawal selia syarikat yang terpakai. Kegagalan untuk mematuhi Tata, dasar atau undang-undang, peraturan atau kawal selia syarikat membawa akibat, yang termasuklah kemungkinan pemberhentian, atau tindakan disiplin lain. Sesetengah pelanggaran juga mungkin tertakluk pada hukuman sivil atau jenayah.



Tanggungjawab Kita

Kita semua berkongsi tanggungjawab untuk:

- Bertindak secara berintegriti dalam semua urusan perniagaan kita, sama ada besar mahu pun kecil.
- Melayani satu sama lain dengan bermaruah dan hormat.
- Mematuhi semua dasar, undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
- Mendukung komitmen kita terhadap Tataetika Perniagaan GXO Logistics ("Tata" kita).

Hormat, peluang sama rata dan keselamatan di tempat kerja

Kami komited untuk mewujudkan persekitaran kerja di mana rasa hormat dan kepelbagaian dihargai dan keselamatan adalah diutamakan. Selain itu, kita mematuhi semua undang-undang yang mentadbir pekerjaan dan amalan tenaga kerja yang saksama.

Peluang Pekerjaan Saksama

GXO menyediakan peluang pekerjaan saksama kepada semua pekerja dan pemohon. Kita membuat keputusan pekerjaan tanpa mengira bangsa, warna kulit, umur, jantina, agama, negara asal, ketidakupayaan mental atau fizikal, keadaan perubatan, keluarga atau status cuti sakit, status perkahwinan, orientasi seksual, identiti jantina, atau mana-mana asas lain yang dilindungi oleh undang-undang. Ini termasuk keputusan yang berkaitan dengan pengambilan, penempatan, kenaikan pangkat, penamatan, disiplin, cuti, pampasan, manfaat dan latihan.

Sifar Toleransi terhadap Diskriminasi, Gangguan atau Tindakan Balas

GXO tidak bertolak ansur dengan gangguan atau diskriminasi atas dasar mana-mana kategori atau kelas yang dilindungi. Anda tidak boleh terlibat dalam apa-apa kelakuan kesat, mengganggu atau menyinggung, sama ada secara lisan, fizikal atau visual. Jika anda mengalami atau menyedari apa-apa kelakuan yang membuat anda rasa tidak selesa, anda perlu menghubungi penyelia anda, wakil Sumber Manusia anda atau Etika & Pematuhan.

GXO juga melarang keras tindakan balas terhadap pekerja yang mengemukakan kebimbangan, melaporkan kemungkinan pelanggaran undang-undang atau dasar atau menyertai siasatan undang-undang atau pematuhan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai dasar-dasar syarikat kita yang melarang gangguan dan diskriminasi, rujuk Dasar "Sifar Toleransi terhadap Diskriminasi, Gangguan atau Tindakan Balas" GXO.

Keselamatan Di Tempat Kerja


GXO komited untuk mengekalkan persekitaran tempat kerja yang selamat. Semua kerja mesti dilakukan mengikut peraturan kesihatan dan keselamatan serta dasar syarikat. Beri amaran kepada penyelia anda dengan serta-merta tentang keadaan yang berbahaya di tempat kerja, kemalangan kenderaan, kecederaan atau penyakit yang berkaitan dengan kerja, pelanggaran dasar syarikat dan semua isu-isu keselamatan yang lain.

Dadah dan Alkohol

GXO mengamalkan persekitaran kerja yang bebas daripada dadah dan alkohol. Anda tidak boleh menggunakan atau memiliki alkohol di premis syarikat, kecuali di majlis-majlis syarikat yang ditaja dengan eksekutif kelulusan lebih awal yang sewajarnya. Anda tidak boleh menggunakan, memiliki atau mengedar dadah yang tidak dibenarkan, atau menyalahgunakan ubat preskripsi, pada waktu pejabat atau di harta syarikat.

Keganasan Di Tempat Kerja

GXO tidak bertolak ansur terhadap apa jua bentuk keganasan. Jika anda menyaksikan atau mengalami kelakuan ganas atau mengancam, laporkan kepada penyelia anda, wakil Sumber Manusia atau Etika & Pematuhan. Jika seseorang dalam keadaan bahaya, hubungi pihak berkuasa.



Integriti Sepenuhnya dalam urusan perniagaan

Kita komited untuk mengekalkan kepercayaan para pelanggan dan pihak lain di pasaran dengan bertindak secara berintegriti, bersaing secara adil dan melindungi maklumat sulit.

Maklumat Jujur dan Tepat

GXO menggambarkan keupayaan perniagaannya secara tepat. Anda tidak boleh membuat kenyataan palsu atau mengelirukan tentang perkhidmatan GXO atau pesaing kita; anda tidak boleh sekali-kali menyalahgambarkan fakta dengan sengaja untuk mendapat kelebihan daya saing atau untuk sebarang tujuan lain.

Maklumat Pihak Ketiga

GXO tidak bertolak ansur terhadap pengumpulan atau penggunaan maklumat sulit atau proprietari yang berkaitan dengan pasaran, pelanggan, pesaing atau mana-mana pihak ketiga yang lain secara tidak wajar. Semua maklumat tersebut hendaklah dikumpul melalui cara yang sah, dan mesti dilindungi secara wajar daripada pendedahan atau penggunaan yang tidak dibenarkan.

Jika anda mengetahui maklumat sulit atau proprietari tentang pesaing atau pihak ketiga yang lain melalui majikan terdahulu atau sumber bukan awam yang lain, anda tidak dibenarkan untuk menggunakan maklumat yang berkaitan dengan perniagaan GXO atau mendedahkannya kepada mana-mana wakil syarikat. Anda tidak boleh membawa maklumat tersebut ke premis GXO, termasuklah sistem elektronik yang digunakan oleh GXO, atau menggunakannya dalam apa-apa cara dalam melaksanakan tugas anda atau perniagaan syarikat lain.

Jangan guna nama, tanda dagangan atau logo syarikat lain tanpa kebenaran bertulis daripada wakil syarikat tersebut yang diberi kuasa. Jangan mengeluarkan semula, mengedar atau meminda bahan hak cipta yang milik oleh orang lain.

Undang-undang Antitrust dan Persaingan Adil

GXO mematuhi semua undang-undang antitrust dan persaingan adil dan tidak bertolak ansur dengan aktiviti anti persaingan. Anda tidak boleh menyertai sebarang perjanjian atau pengaturan untuk mengehendkan persaingan atau mendapatkan kelebihan yang tidak wajar.

Jika anda bertanggungjawab untuk pemasaran, jualan, harga atau pembelian, atau jika anda mempunyai hubungan dengan pesaing, penting bagi anda untuk mengetahui perkara yang perlu diambil kira dalam anti-trust dan persaingan adil.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai antitrust dan persaingan adil, rujuk Dasar Antitrust dan Persaingan Adil GXO.

Berurus Niaga dengan Kerajaan

GXO mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang mentadbir urus niaga dengan kerajaan persekutuan, negeri, wilayah, daerah dan tempatan, termasuklah entiti-entiti yang bekerja bagi pihak kerajaan, atau dimiliki atau dikawal oleh kerajaan.

Jika anda terlibat dalam usaha mendapatkan kerja kontrak kerajaan untuk GXO, penting untuk anda memahami dan mematuhi segala peraturan yang berkuat kuasa. Jika anda ada soalan atau kebimbangan mengenai obligasi kontrak kerajaan kita, hubungi Etika & Pematuhan atau peguam syarikat untuk lokasi atau perniagaan unit anda.

Apabila berurusan dengan entiti atau pegawai kerajaan, anda tidak boleh

- Mencari atau mendapatkan maklumat sulit mengenai proses pemilihan kerajaan atau cadangan pesaing;
- Memberi apa-apa yang bernilai kepada kakitangan kerajaan;
- Bercakap dengan penjawat kerajaan mengenai kemungkinan peluang pekerjaan;
- Membuat kenyataan palsu atau mengelirukan tentang perkhidmatan atau keupayaan GXO;
- Menggantikan barangan atau perkhidmatan; atau
- Menggunakan harta benda kerajaan untuk sebarang tujuan lain selain daripada tujuan yang dimaksudkan.



Warga yang baik untuk komuniti sedunia

Kita komited untuk mengekalkan standard integriti global di semua negara di mana kita beroperasi. Kita percaya dengan amalan perdagangan yang saksama, dalam hak asasi manusia, dalam amalan perniagaan mapan yang mengurangkan potensi kemusnahan persekitaran dan dalam melaksanakan perniagaan tanpa rasuah.

Antirasuah dan Antisogokan

GXO tidak bertolak ansur dengan apa jua bentuk rasuah atau sogokan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, tidak kira sama ada dalam mengurus niaga dengan entiti kerajaan, perusahaan komersil atau individu. Anda tidak boleh memberi kuasa, menawarkan untuk membayar atau menerima rasuah, sogokan atau ganjaran; ini termasuklah menawarkan atau membuat bayaran kepada pihak ketiga dalam keadaan di mana terdapat sebab untuk mempercayai bahawa sebahagian daripada bayaran tersebut yang akan ditawarkan kepada orang lain untuk tujuan yang tidak wajar.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai dasar-dasar antirasuah syarikat kita, rujuk Dasar Antirasuah GXO.

Pematuhan Perdagangan Antarabangsa

Sebagai sebuah syarikat global, GXO komited untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang mentadbir perdagangan antarabangsa.

GXO tidak membenarkan eksport atau import barangan, perkhidmatan atau data tanpa kebenaran yang wajar. Apabila membuat penghantaran di bawah kelulusan kerajaan, anda mesti mematuhi semua terma dan syarat kelulusan itu dan anda tidak boleh memesongkan penghantaran ke tempat atau orang yang tidak disertakan dalam kelulusan itu. Untuk memastikan bahawa syarikat boleh mematuhi keperluan pelaporan kerajaan yang berkaitan dengan perdagangan antarabangsa, anda mesti mendokumentasikan semua urusan niaga eksport dan import dengan sewajarnya.

Melainkan anda telah menerima kelulusan kerajaan yang sewajarnya, anda tidak boleh menjalankan perniagaan dengan, atau bagi, mana-mana negara yang dilarang atau disekat, atau mana-mana pihak yang tertakluk pada halangan atau sekatan ekonomi. Selain itu, anda tidak boleh menyertai mana-mana boikot yang tidak dibenarkan oleh undang-undang Amerika Syarikat, seperti peruntukan kontrak yang ketat yang bertujuan untuk menghadkan perdagangan dengan Israel. Jika anda tahu mengenai sebarang boikot atau peruntukan terhadap yang lain, segera hubungi pasukan Etika & Pemuatan atau pasukan Pemuatan Perdagangan di TradeCompliance@gxo.com. Anda bertanggungjawab untuk mengenali pelanggan anda dan untuk memastikan bahawa anda mematuhi perkara-perkara ini.

Jika anda mempunyai soalan atau kebimbangan tentang keperluan Pemuatan Perdagangan, rujuk Dasar Pemuatan Perdagangan GXO.



Hak Asasi Kemanusiaan

GXO komited kepada mengendalikan perniagaan dalam cara yang menghormati hak asasi manusia dan maruah semua orang. Kita tidak bertolak ansur dengan sebarang perlakuan yang menyumbang kepada, menggalakkan atau memudahkan pemerdagangan manusia, buruh kanak-kanak, buruh paksa atau wajib, atau sebarang pencabulan hak asasi manusia lain.

Undang-undang Alam Sekitar

GXO menjalankan perniagaannya dengan cara yang mematuhi semua undang-undang alam sekitar yang berkuat kuasa. Ini termasuk memastikan semua bahan berbahaya, bahan buangan atau bahan pencemar dilabel, disimpan, dikendalikan, diangkut, digunakan dan dilupuskan. Peraturan-peraturan alam sekitar selalunya rumit dan berbeza-beza mengikut lokasi. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai keperluan alam sekitar, hubungi Etika & Pemuatan atau peguam dalaman untuk lokasi atau perniagaan unit anda.

Aktiviti dan Sumbangan Politik

Para pekerja GXO bebas untuk menyokong proses politik dengan membuat sumbangan peribadi atau menyumbangkan masa secara sukarela untuk calon atau organisasi. Walau bagaimanapun, anda tidak boleh menjalankan aktiviti politik pada waktu kerja syarikat atau melalui penggunaan sumber syarikat. Jika anda pekerja A.S. yang terlibat dalam perolehan kerajaan, anda mesti mendapatkan kelulusan daripada Etika & Pemuatan sebelum membuat sumbangan politik peribadi yang berkaitan dengan aktiviti perolehan anda.

Anda tidak boleh membuat, atau menawarkan untuk membuat, apa-apa sumbangan politik bagi pihak syarikat tanpa kelulusan bertulis yang khusus daripada Etika & Pemuatan. Tiada dana atau aset syarikat boleh disumbangkan kepada parti atau calon politik tanpa kelulusan bertulis daripada Ketua Pegawai Pemuatan syarikat.



Perlindungan aset- aset syarikat

Kita komited untuk menjaga integriti aset GXO, termasuk maklumat yang kita terima daripada atau berikan kepada para pemegang saham, pengawal selia, rakan-rakan niaga dan pihak ketiga yang lain. Kita mengelakkan konflik kepentingan and kita berniaga berdasarkan merit kita.

Sumber syarikat

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa harta, kemudahan, peralatan dan maklumat syarikat digunakan dengan sewajarnya. Di samping itu, sumber syarikat yang tidak nyata seperti nama GXO Logistics atau masa anda sebagai pekerja tidak boleh digunakan untuk aktiviti yang tidak berkaitan dengan syarikat.

Jika anda mempunyai akses kepada telefon syarikat, komputer, peranti mudah alih, rangkaian, akses Internet, perkhidmatan e-mel, atau sumber elektronik lain, anda boleh menggunakan sumber-sumber ini hanya untuk tujuan perniagaan yang sah. Penggunaan peribadi sampingan dibenarkan selagi ia tidak mengganggu kerja anda, tidak menyalahi undang-undang, tidak digunakan untuk kepentingan peribadi, dan tidak bercanggah dengan atau melanggar kepentingan syarikat.

Jika anda meninggalkan syarikat, anda mesti memulangkan semua harta benda dan maklumat syarikat, termasuklah dokumen, data, telefon, komputer dan peralatan perniagaan yang lain. Anda bersetuju untuk tidak mengakses atau cuba untuk mengakses mana-mana peranti elektronik, sistem, pangkalan data, pelayan, portal atau rangkaian GXO selepas pekerjaan anda tamat. Anda juga bersetuju untuk tidak mengganggu, mengubah, memadam atau memusnahkan mana-mana harta benda, dokumen, rekod atau data syarikat yang terkandung di mana-mana lokasi, termasuklah tetapi tidak terhad pada sebarang maklumat yang terdapat pada mana-mana komputer atau peranti elektronik, sistem, pangkalan data, pelayan, portal atau rangkaian yang disediakan oleh syarikat, termasuk tetapi tidak terhad pada menetapkan semula peranti elektronik ke tetapan lalainya.



Maklumat Sulit dan Proprietari

GXO secara ketat melindungi maklumat sulit dan proprietari daripada penggunaan atau pendedahan tanpa kebenaran. Ini termasuklah maklumat tentang strategi syarikat dan operasi, pelan perniagaan, para pekerja, para pelanggan, para pembekal, status kewangan, rahsia perdagangan, atau apa-apa maklumat lain yang tidak disediakan kepada orang awam. Anda tidak boleh menggunakan maklumat sulit atau proprietari bagi apa-apa tujuan selain tujuan ia dikendalikan oleh syarikat.

Tanggungjawab anda untuk melindungi maklumat sulit dan proprietari syarikat terus berkuat kuasa selepas pekerjaan anda di syarikat ini berakhir. Jika anda meninggalkan GXO, anda tidak boleh menggunakan atau mendedahkan maklumat sulit atau proprietari yang anda peroleh semasa bekerja atau terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang akan menyebabkan pendedahan maklumat sulit atau proprietari GXO yang tidak dapat dielakkan.

Meskipun kewajipan untuk melindungi dan tidak mendedahkan maklumat sulit atau proprietari syarikat yang dinyatakan di sini dan dalam dasar GXO yang lain, seseorang individu tidak akan dipertanggungjawabkan secara jenayah atau sivil di bawah undang-undang rahsia perdagangan kerana mendedahkan rahsia perdagangan secara sulit kepada pegawai kerajaan atau kepada seorang peguam apabila didedahkan semata-mata untuk tujuan pelaporan atau penyertaan dalam penyiasatan pelanggaran undang-undang yang disyaki. Di samping itu, pekerja yang memfailkan tuntutan mahkamah terhadap majikannya untuk tindakan balas terhadap pekerja yang melaporkan pelanggaran undang-undang yang disyaki boleh mendedahkan rahsia perdagangan kepada peguamnya dan dalam litigasi selagi maklumat rahsia perdagangan tersebut difailkan sebagai sulit.

Maklumat Peribadi

GXO menggunakan dan melindungi dengan sewajarnya maklumat peribadi yang dikumpul atau disimpan. Maklumat peribadi ditakrifkan sebagai apa jua bentuk maklumat, yang dengan sendirinya atau apabila digabungkan dengan maklumat yang lain, boleh digunakan untuk mengenal pasti individu.

Anda mesti melindungi maklumat peribadi. Pembebasan maklumat peribadi, sama ada secara sengaja atau, mungkin perlu dilaporkan kepada pihak berkuasa kerajaan; oleh itu, anda perlu memaklumkan Etika & Pematuhan dengan segera jika anda mengesyaki telah berlaku tolak ansur terhadap mana-mana maklumat peribadi. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, rujuk Dasar Perlindungan Data GXO.



Rekod Perniagaan

Setiap pekerja GXO bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua jenis rekod perniagaan - termasuklah laporan perbelanjaan, invois, lembar masa, rekod kehadiran, dokumentasi kontrak dan rekod-rekod lain - menggambarkan operasi, urusan perniagaan dan kewangan GXO secara tepat. Anda mesti mengekalkan semua rekod perniagaan mengikut dasar syarikat dan keperluan undang-undang yang berkuat kuasa. Anda tidak boleh meminda, memalsukan atau sebaliknya mengubah apa-apa rekod perniagaan.

Laporan-laporan Awam

Para pegawai kewangan kanan syarikat kita perlu memastikan bahawa semua maklumat kewangan yang didedahkan dalam komunikasi awam dan laporan berkala kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Pertukaran A.S. adalah lengkap, tepat, tepat pada masanya dan boleh difahami. Para pekerja yang bertanggungjawab untuk menyediakan dokumen-dokumen tersebut perlu memastikan semua rekod-rekod perakaunan dan laporan yang dihasilkan daripada rekod ini, menggambarkan transaksi yang berkaitan secara adil dan tepat. Rekod-rekod dan laporan-laporan tersebut mesti menyertakan perincian yang munasabah dan disokong oleh dokumentasi yang sewajarnya. Jika anda tahu mengenai apa-apa sahaja dalam rekod perakaunan atau laporan syarikat adalah palsu atau mengelirukan, maklumkan Ketua Pegawai Undang-undang syarikat dengan serta-merta.

Pihak Berkuasa Kontrak dan Penugasan Kuasa

Hanya pekerja-pekerja GXO tertentu diberi kuasa untuk menandatangani dokumen-dokumen rasmi syarikat atau mengikat syarikat dalam sesuatu kontrak atau urusan niaga lain. Jika anda tiada kuasa seperti ini, anda tidak boleh mengikat syarikat kepada sebarang obligasi.

Jika anda diberi kuasa untuk menandatangani dokumen-dokumen rasmi syarikat atau mengikat syarikat kepada obligasi, anda mesti bertindak dalam lingkungan batasan kuasa anda dan mendokumen sebarang kontrak yang anda tandatangi secara tepat bagi pihak GXO. Sebelum membuat apa-apa komitmen perniagaan atau kewangan bagi pihak GXO, anda perlu mengesahkan bahawa anda ada kuasa yang sewajarnya dengan merujuk pada Dasar Penugasan Kuasa Lokasi atau unit perniagaan tertentu boleh mempunyai keperluan kuasa dan kelulusan tambahan dan lebih ketat. Di mana berkenaan, keperluan-keperluan yang lebih ketat ini juga perlu dipatuhi.




Perdagangan orang dalam

Pematuhan terhadap Undang-undang Perdagangan Orang Dalam

Dalam menjalankan tugas anda dalam syarikat, anda mungkin mengetahui maklumat bukan awam mengenai GXO atau syarikat lain yang berurusan dengan GXO. Sebagai contoh, anda mungkin mendengar atau membaca keputusan kewangan atau maklumat mengenai rancangan strategik syarikat yang tidak didedahkan. Jika anda tahu tentang maklumat bukan awam, anda tidak boleh mendedahkan maklumat ini atau menggunakannya untuk kepentingan peribadi atau untuk manfaat orang lain. Anda tidak boleh berdagang dalam saham syarikat semasa memiliki maklumat bukan awam mengenai GXO. Anda mesti mematuhi prinsip-prinsip yang sama berkenaan maklumat yang anda tahu tentang mana-mana syarikat lain, termasuklah syarikat-syarikat yang menjalankan

perniagaan dengan GXO. Anda juga tidak boleh membincangkan maklumat bukan awam yang penting, termasuk dan tidak terhad kepada keputusan kewangan yang belum diterbitkan, dengan pihak media tanpa kelulusan daripada Ketua Pegawai Undang-undang syarikat. Pelanggaran undang-undang perdagangan orang dalam boleh membawa kepada hukuman yang amat serius termasuklah denda, penjara, menyerah kembali bayaran, hukuman sivil dan pemberhentian dengan sebab.

Untuk mendapatkan panduan lanjut, rujuk Dasar Perdagangan Orang Dalam GXO. Jika anda mempunyai soalan tentang dasar, hubungi Ketua Pegawai Undang-undang, Ketua Pegawai Pematuhan GXO atau e-mel TradingRequest@gxo.com.



Konflik kepentingan

Kemungkinan Konflik Kepentingan

Kita mematuhi dasar dan undang-undang syarikat agar dilindungi daripada konflik kepentingan dalam urusan perniagaan kita. Konflik kepentingan timbul apabila kepentingan peribadi, atau kepentingan rakan atau ahli keluarga anda, berkemungkinan mengganggu keupayaan anda untuk membuat keputusan perniagaan bagi pihak syarikat yang tidak berat sebelah. Anda mesti mendedahkan semua konflik kepentingan kepada Etika & Pematuhan supaya GXO boleh mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk melindungi anda dan syarikat.

Sesetengah konflik jelas dan sentiasa dilarang, seperti menggunakan jawatan anda dalam syarikat untuk kepentingan peribadi. Keadaan lain mungkin kurang jelas, seperti membuatkan syarikat menjalankan perniagaan dengan sebuah syarikat milik rakan atau keluarga. Jika anda tidak pasti tentang konflik kepentingan yang mungkin berlaku, hubungi Etika & Pematuhan untuk mendapatkan panduan. Di bawah adalah beberapa contoh konflik kepentingan yang biasa.

Kepentingan Kewangan dalam Pesaing, Pelanggan dan Pembekal

Sebagai pekerja GXO, anda tidak dibenarkan untuk mempunyai kepentingan kewangan dalam syarikat swasta yang bersaing dengan GXO. Anda boleh memiliki peratusan kecil (tidak melebihi 1%) daripada saham syarikat yang didagangkan secara awam dalam syarikat pesaing, pembekal atau pelanggan GXO. Had dan sekatan tambahan mungkin berkenaan bagi pegawai-pegawai kanan syarikat.

Pekerjaan Luar dan Aktiviti Lain

Anda mesti bertindak demi kepentingan syarikat. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa apa-apa pekerjaan bukan GXO atau aktiviti-aktiviti lain tidak melanggar komitmen-komitmen GXO yang sedia ada atau hubungan dengan pesaing, pelanggan, pembekal atau pihak ketiga yang lain.

Anda tidak boleh bekerja untuk pesaing dalam apa-apa tugas semasa berkhidmat dengan GXO, atau melibatkan diri dalam pekerjaan lain di luar yang mengganggu tanggungjawab yang diberi oleh syarikat kepada anda atau bersaing dengan kepentingan-kepentingan perniagaan syarikat. Anda tidak boleh bekerja dalam apa-apa tugas untuk pelanggan, pembekal atau rakan kongsi perniagaan lain syarikat melainkan anda mendapat kebenaran bertulis daripada pengurus anda dan Etika & Pematuhan. Setakat anda telah bersetuju dengan GXO yang menetapkan sekatan atau syarat-syarat lanjut, termasuklah obligasi pascapekerjaan, anda juga terikat dengan semua syarat-syarat perjanjian itu.

Selain itu, anda tidak dibenarkan untuk memberikan maklumat atau perkhidmatan kepada "firma-firma pakar rangkaian." Syarikat-syarikat ini mencari sumber industri untuk mengatur rundingan dengan para pelanggan mereka, yang mungkin termasuk dana ekuiti swasta, dana lindung nilai dan pelabur institusi lain yang sedang mempertimbangkan untuk melabur dalam industri kita. Firma rangkaian pakar mungkin berusaha untuk menggunakan khidmat anda sebagai perunding disebabkan oleh pengetahuan anda mengenai GXO, atau pengetahuan anda mengenai industri kita secara menyeluruh. Penyediaan khidmat rundingan seperti ini oleh anda mewujudkan risiko memandangkan anda mengguna atau mendedahkan maklumat sulit GXO atau melibatkan atau membantu pihak lain dalam melakukan aktiviti yang memudaratkan atau menyaingi dengan GXO.



Perhubungan Perniagaan dengan Keluarga dan Rakan

GXO membuat semua keputusan yang berkaitan dengan pembekal, termasuk keputusan pembelian, semata-mata berasaskan keupayaan pembekal untuk memenuhi keperluan perniagaan GXO ini. Perhubungan peribadi atau persahabatan tidak boleh menjadi faktor dalam keputusan-keputusan ini. Selain itu, anda hendaklah mendedahkan apa-apa transaksi yang dicadangkan yang melibatkan syarikat dengan diri anda, atau syarikat dengan ahli keluarga anda, termasuklah apa-apa perniagaan milik keluarga anda. Kelulusan bertulis oleh Etika & Pematuhan diperlukan sebelum sebarang transaksi boleh diteruskan.

Peluang-peluang Korporat untuk Manfaat Peribadi

Sepanjang tempoh anda bekerja dengan GXO, anda boleh mengambil tahu tentang peluang-peluang perniagaan dalam industri GXO atau yang berkaitan dengan perniagaan kita yang anda berminat untuk usahakan secara peribadi. Anda tidak boleh meraih keuntungan daripada peluang ini untuk diri anda sendiri, dan anda tidak boleh berkongsi maklumat ini dengan sesiapa pun di luar syarikat, melainkan anda telah mendedahkan peluang-peluang ini kepada syarikat dan mendapat kebenaran untuk meneruskan usaha anda.

Perhubungan Romantik atau Intim yang Lain

Konflik kepentingan juga merangkumi perhubungan romantik atau yang intim antara pengurus dan ahli pasukan mereka, yang boleh menyebabkan pengurus bersikap berat sebelah, atau kelihatan seperti berat sebelah, semasa membuat keputusan pekerjaan pekerja.

Hadiah dan keraian

Hadiah dan Keraian yang Tidak Wajar

GXO memperoleh dan memberi perniagaan berdasarkan merit. Syarikat tidak memberi atau menerima hadiah perniagaan berbentuk produk, perkhidmatan atau keraian untuk mempengaruhi keputusan perniagaan secara tidak wajar. Sebarang hadiah atau hiburan yang anda beri atau terima hendaklah dibuat secara terbuka dan tidak kerap. Nilainya juga hendaklah munasabah, dan wajar mengikut keadaan dan adalah sebagai sampingan kepada transaksi atau perhubungan perniagaan yang sah di sisi undang-undang. Anda tidak boleh memberi atau menerima hadiah, termasuk keraian (contohnya, jamuan perniagaan, tiket acara atau kembara golf) yang boleh mewujudkan atau kelihatan seperti mempengaruhi perhubungan atau keputusan perniagaan secara tidak wajar. Anda tidak sekali-kali dibenarkan untuk meminta hadiah atau keraian.

Anda tidak boleh memberi hadiah kepada atau terlibat dalam keraian dengan pegawai kerajaan; ini termasuklah entiti-entiti milik kerajaan seperti syarikat pengangkutan udara, penghantaran atau pembekal utiliti milik negara. Hadiah kepada dan keraian bersama para pegawai dan entiti kerajaan tidak dibenarkan sama sekali.

Mungkin tidak sentiasa jelas sama ada sesuatu hadiah wajar atau tidak. Seseengah jenis hadiah tidak sekali-kali dibenarkan, seperti wang tunai atau "kesamaan tunai" (contohnya, kad hadiah), hadiah yang menyinggung perasaan atau yang eksplisit, atau hadiah yang dilarang oleh undang-undang atau kontrak.

Tanya diri anda:

- Jika hadiah bukan daripada salah satu kategori berikut dan anda tidak pasti sama ada hadiah sesuai atau tidak, tanyakan diri anda adakah hadiah tersebut:
- Munasabah, mengikut adat, bernilai sederhana, dan tidak kerap?
- Bertujuan untuk meningkatkan perhubungan perniagaan dan tidak mempengaruhi keobjektifan penerima secara tidak wajar?
- Tidak diminta, tanpa kewajipan atau jangkaan bahawa ia akan dibalas?
- Mulia dan tidak berkemungkinan memalukan syarikat atau sesiapa pun jika didedahkan kepada umum?
- Diberikan kepada atau diterima daripada pihak komersial (bukan pegawai kerajaan)?
- Dibenarkan di bawah dasar organisasi bagi kedua-dua GXO dan penerima?
- Boleh diterima awam, maksudnya anda selesa sekiranya orang lain, termasuk rakan-rakan dan keluarga anda tahu tentang hadiah itu?

Jika jawapan bagi mana-mana soalan ini adalah "tidak" anda mesti menghubungi Etika & Pematuhan untuk kelulusan sebelum meneruskan.



Proses Kelulusan Wajib untuk Hadiah dan Keraian

Keperluan Kelulusan untuk Hadiah: Anda perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Etika & Pematuhan sebelum memberi atau menerima hadiah yang bernilai lebih daripada \$100 USD atau lebih, melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang dilantik GXO Logistics, Inc. Permintaan kelulusan hendaklah dikemukakan kepada ethics@gxo.com. Anda juga mesti mematuhi semua keperluan kelulusan perbelanjaan yang lain. Sebagai contoh, lokasi atau unit perniagaan khusus anda mungkin mempunyai keperluan kelulusan tambahan yang lebih ketat untuk hadiah. Jika ini keadaannya, keperluan yang lebih ketat ini perlu dipatuhi.

Keperluan Kelulusan untuk Keraian: Keraian, contohnya jamuan perniagaan, acara sukan atau aktiviti lain yang anda hadiri bersama pelanggan, vendor atau pihak ketiga yang lain, tidak boleh bersifat mewah dan mesti diluluskan dengan sewajarnya. Anda perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Presiden unit perniagaan anda terlebih dahulu, (atau wakil yang ditugaskan) untuk keraian yang berjumlah melebihi \$150 USD setiap seorang. Anda juga mesti mematuhi semua keperluan kelulusan perbelanjaan yang lain. Sebagai contoh, lokasi atau unit perniagaan khusus anda mungkin mempunyai keperluan kelulusan tambahan serta lebih ketat untuk keraian. Jika ini keadaannya, keperluan yang lebih ketat ini perlu dipatuhi.

Semua perbelanjaan berhubung hadiah dan keraian hendaklah direkodkan dengan tepat dalam buku kira-kira dan rekod syarikat. Jika anda memberi hadiah atau keraian, anda mesti mendokumentkannya dalam laporan perbelanjaan anda, termasuk nilai hadiah atau keraian, pihak-pihak yang terlibat (pemberi dan penerima hadiah atau para peserta keraian), serta penerangan tentang tujuan perniagaan yang sah untuk hadiah atau keraian, berserta bukti kelulusan bertulis serta resit-resit sokongan.

Sumber-sumber Tambahan:

Cara bertanya soalan dan melaporkan kebimbangan

Anda boleh menggunakan saluran berikut sebanyak mana yang diperlukan untuk menegakkan standard etika perniagaan GXO:

Cara Melaporkan Kebimbangan

Anda bertanggungjawab untuk bersuara dan mengemukakan soalan dan kebimbangan dan untuk melaporkan apa-apa kelakuan yang diketahui atau disyaki yang melanggar Tata ini, dasar syarikat atau undang-undang. Pekerja yang bersuara dilindungi di bawah undang-undang dan juga oleh Dasar Toleransi Sifar GXO terhadap tindakan balas. Anda hendaklah mengemukakan kebimbangan dengan segera kepada penyelia anda, wakil Sumber Manusia tempatan anda, kepada pasukan Etika & Pematuhan, atau kepada Ketua Pegawai Pematuhan. Kaedah-kaedah berikut juga disediakan untuk anda:

Talian Etika AS / Kanada: (844) 694-0719 Di luar AS / Kanada: Rujuk lampiran Sumber Antarabangsa	Talian Etika ialah perkhidmatan telefon bebas tol yang dikendalikan oleh sebuah syarikat bebas. Apabila dibenarkan di bawah undang-undang tempatan, Talian Etika membolehkan anda untuk melaporkan kebimbangan secara awanama dan tersedia 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. Jika atas apa-apa sebab anda tidak dapat disambungkan menggunakan nombor Talian Etika yang dikenal pasti di sini, hubungi Etika & Pematuhan di ethics@gxo.com untuk mendapatkan bantuan.
EthicsPoint Dalam Talian www.gxo.ethicspoint.com	EthicsPoint adalah laman dalam talian (online) yang dikendalikan oleh sebuah syarikat bebas. Apabila dibenarkan di bawah undang-undang tempatan, EthicsPoint akan membolehkan anda untuk melaporkan kebimbangan tanpa nama.
E-mel Etika ethics@gxo.com	Ethics@gxo.com ialah peti masuk e-mel syarikat yang dipantau oleh pasukan Etika & Pematuhan.

Anda boleh melaporkan kebimbangan secara awanama jika anda memilih untuk melakukannya (apabila diizinkan oleh undang-undang tempatan); walau bagaimanapun, mengenal pasti diri anda sendiri dengan lebih baik akan membolehkan syarikat untuk menyiasat kebimbangan anda dan memberi anda susulan yang sewajarnya. Semua laporan dikendalikan secara sulit yang mungkin.

Selepas suatu Laporan Diserahkan

Setiap laporan dikemukakan kepada ahli pengurusan yang sewajarnya, Sumber Manusia atau Etika & Pematuhan untuk semakan segera. GXO menilai setiap laporan dengan teliti untuk menentukan sama ada siasatan atau tindakan lanjut diperlukan. Pekerja dikehendaki bekerjasama sepenuhnya dengan siasatan-siasatan syarikat.

Syarikat membuat segala usaha untuk melindungi kerahsiaan setiap laporan, sama ada perkara tersebut dibuat tanpa nama atau tidak; walau bagaimanapun, kadang-kadang ini tidak mungkin dilakukan kerana tanggungjawab undang-undang atau sifat kejadian. Keadaan mungkin menghalang syarikat daripada berkongsi tindakan yang telah diambil sebagai respons kepada laporan.

Jangan cuba jalankan sendiri siasatan tersebut. Bertindak sendiri boleh menjejaskan integriti siasatan rasmi dan boleh memberi impak negatif kepada anda dan juga syarikat.



Sumber-sumber Antarabangsa

Hadiah dan Keraian yang Tidak Wajar

Kita menyediakan sumber-sumber pelaporan di semua lokasi global kita. Sila lihat senarai di bawah untuk mengenal pasti nombor Talian Etika untuk lokasi anda:

Australia	1-800-531606	Mexico	800-681-9210
Belgium	0800-79368	Belanda	0800-0221659
Kanada	1-844-694-0719	Peru	0800-78537
Chile	800-914061	Poland	800-005016
China	400-120-0184	Portugal	800-181412
Republik Czech	800-144-529	Romania	0800-890352
Finland	0800-415755	Singapura	800-4922514
Perancis	0805-985607	Sepanyol	900-9-83443
Jerman	0800-1820274	Switzerland	0800-225122
Hong Kong	800-930-167	Taiwan	00801-49-1654
India	000-800-050-2404	Thailand	1800014719
Ireland	1-800851668	United Kingdom	0800-090-3695
Itali	800-761627	Amerika Syarikat	1-844-694-0719
Jepun	0800-123-7083		
Malaysia	1-800-81-4756		

Jika anda tidak nampak nombor Talian Etika yang tersenarai untuk negara anda, atau anda tidak dapat berhubung menggunakan nombor Talian Etika yang disenaraikan untuk negara anda, hubungi Pejabat Etika dan Pematuhan di ethics@gxo.com untuk mendapatkan bantuan atau lawati Talian Etika dalam talian di www.gxo.ethicspoint.com.



Indeks dasar etika perniagaan

Tata ini disokong oleh Dasar Etika Perniagaan GXO Logistics yang berikut:

- Antirasuah
- Antitrust dan Persaingan Adil
- Penugasan Kuasa
- Perlindungan Data
- Tiada Diskriminasi, Gangguan atau Tindakan balas
- Pematuhan Perdagangan
- Usaha Wajar Pihak Ketiga
- Perdagangan Orang Dalam
- Konflik Kepentingan

Jika anda ingin salinan mana-mana daripada dasar ini, sila lawati ethics.gxo.com atau hubungi Etika & Pematuhan di ethics@gxo.com.

Keperluan tambahan mungkin dikenakan pada lokasi atau unit perniagaan tertentu. Jika anda bekerja di lokasi pelanggan, anda mesti mematuhi dasar GXO dan sebarang dasar tambahan yang lebih ketat yang diperlukan oleh pelanggan. Sila hubungi Etika & Pematuhan, wakil Sumber Manusia anda, atau rujuk kepada ethics.gxo.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.